

Ada pihak yang cuba selesai krisis Sabah dengan cara sendiri — PM

UM 20 MAR 1986

KUALA LUMPUR 19 Mac. — Datuk Sri Dr. Mahathir hari ini ~~kesal kerana sungguhpun kerajaan~~ telah cuba mencari penyelesaian politik kepada masalah di Sabah tetapi ada pihak yang mempunyai "cara penyelesaian yang tersendiri."

Sambil menyatakan rasa bimbang terhadap perkembangan yang sedang berlaku di Sabah, Perdana Menteri memberi jaminan Kerajaan Persekutuan tidak akan memihak kepada mana - mana pihak.

Perdana Menteri juga memberitahu Kerajaan Persekutuan tidak beradang mengisytiharkan darurat di Sabah jika ia dapat dielakkan.

"Kita (Kerajaan Persekutuan) telah cuba mencari penyelesaian politik. Malangnya ada pihak - pihak yang tidak begitu tertarik dengan cara ini. Mereka mempunyai cara penyelesaian yang tersendiri," tambahnya semasa menggulung perbahasan ke atas usul mengucapkan terima kasih ke atas Yang

di-Pertuan Agong atas titah ucapannya di Dewan Rakyat.

Datuk Sri Dr. Mahathir dalam pertemuannya dengan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan dua hari lalu telahpun menyatakan masalah Sabah adalah isu politik yang perlu juga diselesaikan menerusi cara politik.

Perdana Menteri memberitahu sidang Dewan Rakyat, kerajaan terpaksa

berhati - hati dalam mengambil tindakan di Sabah oleh kerana ia bukan sahaja menyentuh soal keselamatan tetapi juga kerana banyak penglibatan politik.

"Saya memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan memihak kepada mana - mana pihak dan sehingga ini, polis telah menahan hampir 800 orang. Mereka yang bukan warganegara yang terlibat da-

LIHAT MUKA 6

Ada selesai dengan cara sendiri

UM 20 MAR 1986

lam peristiwa di sana telah dikeluarkan dari negeri itu."

Mengenai peristiwa Memali, Perdana Menteri berkata kumpulan fanatik itu tidak mengakui hak polis untuk menguatkuasakan undang - undang dan mereka mengadakan pasukan kawalan peribadi yang bersenjata dan sanggup membunuh.

Beliau menyifatkan mereka yang memeralatkan wanita tua dan muda serta kanak - kanak dalam peristiwa itu sebagai lelaki yang pengecut.

Katanya, jika polis berasa serba salah dan takut dikatakan bengis, maka polis sebagai agen keselamatan tidak akan berkesan lagi dan dengan itu, ma-

sarakat di tempat - tempat tertentu tidak akan berasa selamat lagi.

"Jika pasukan polis yang sanggup mati untuk menjaga keamanan tidak dihargai, semangat mereka akan lemah. Alhamdulillah, ini belum berlaku, tetapi kita tidak boleh terlalu yakin ini tidak akan berlaku," katanya.